

Isu pemindahan kedai guntingrambut

# Tempat baru tak strategik

Premis sementara dilindungi kuil, kawasan parkir

yang lain terpaksa 'gulung tikar' kerana di sini kami tiada pelanggan dan kebanyakan orang tidak melalui kawasan ini.

"Apa yang kami kesalkan sehingga sekarang tiada apa-apa tindakan daripada pihak berwajib untuk membina semula kawasan yang terbakar itu. Mungkin ia hanya membabitkan lima kedai saja, tapi itulah punca rezeki kami," katanya.

Abang Din berkata, ketika bermesyuarat dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) baru-baru ini, pihak

berkuasa tempatan itu tidak memberi kata putus atau tempoh waktu yang tepat sebaliknya hanya memberitahu perkara itu mungkin diselesaikan dalam tempoh dua tahun.

Tukang gunting, Khairudin Kahar, 51, turut meluahkan rasa terkilan kerana biarpun mereka sudah mula membuka kedai gunting rambut di situ sejak 1971 lagi, keadaan masih sama dan kawasan sekitar termasuk gerai di situ tidak pernah dinaik taraf.

"Kasihlah lihat ada rakan

lain terpaksa tutup kedai selepas kejadian kebakaran itu. Tempat kami berniaga ini adalah lokasi strategik kerana ia menjadi tumpuan pelancong, jadi jika terjadi perkara seperti ini dan ia membabitkan rakyat tempatan siapa lagi yang harus membantu kami.

"Disebabkan tidak diberi tempoh yang tepat, ada peniaga (tukang gunting rambut) ingin membina kembali gerai yang terbakar dengan mengeluarkan wang sendiri, tetapi pihak berkuasa tidak bersetuju," katanya.



TUTUP...beberapa peniaga terpaksa 'gulung tikar' kerana tiada pelanggan di lokasi baru.

## Enam pengusaha bakal pindah ke lokasi sesuai

PUTRAJAYA: Enam pengusaha kedai gunting rambut 'warisan' yang kini ditempatkan berhampiran Plaza City One, Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR), Kuala Lumpur, selepas premis asal mereka musnah dalam kebakaran awal tahun ini, akan dipindahkan ke lokasi lebih sesuai secepat mungkin.

Bagaimanapun, Menteri Wilayah Persekutuan, Senator Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin, berkata pengusaha terbabit yang memulakan operasi mereka berhampiran panggung wayang Coliseum di Jalan TAR, perlu mengikut pilihan yang ditetapkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

"Kita boleh usahakan cari tempat untuk mereka, tapi tak semestinya tempat yang sama. Mereka kena mengikut pilihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur," katanya pada sidang media



BERTAHANI...hanya sebuah kedai masih bertahan di lokasi baru berhampiran Kompleks City One.

selepas Majlis Pra-Pelancaran Festival Bunga dan Taman Putrajaya 2009 (Floria Putrajaya 2009) di Kelab Tasik Putrajaya, di sini, semalam.

Raja Nong Chik berkata, pemindahan itu akan dilakukan secepat mungkin se-

lepas DBKL memperoleh lokasi yang sesuai bagi menempatkan semua pengusaha kedai runting rambut itu.

"Saya akan berurusan terus dengan Datuk Bandar Kuala Lumpur (Ahmad Fuad), jadi ia akan dilakukan secepat mungkin," katanya.

## Peniaga Melayu ibu kota terus terpinggir

KUALA LUMPUR: Semua pihak berkepentingan menikmati kepesatan pembangunan negara dan ini terbukti apabila masih ada rakyat tempatan terutama peniaga Melayu terpinggir di tengah ibu kota tanpa mendapat pembelaan sewajarnya. Nasib menimpa beberapa

tukang gunting rambut Melayu yang memulakan perniagaan mereka sejak tahun 50-an di Jalan Melayu, di sini, sebenarnya harus diberi perhatian oleh pihak berwajib kerana ia sudah diwarisi sejak tiga generasi, sekali gus menjadi warisan orang Melayu di ibu kota.

Tukang gunting rambut, Khairudin Kahar, 51, berkata sejak kebakaran yang memusnahkan kedai gunting rambut pada Januari lalu, masih tiada tindakan diambil pihak berkuasa khususnya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk menaikkan taraf kawasan terbabit.